



PENGUMUMAN TERKINI

Malaysia International Jewellery Fair (MIJF) 2013 Hab Perniagaan Barangan Kemas yang Terutama di Asia Tenggara

KUALA LUMPUR, Mei: Pameran Barangan Kemas yang terbesar - Malaysia International Jewellery Fair (MIJF) 2013 akan kembali pada 12 hingga 15 Julai 2013 (Jumaat - Isnin), dari pukul 11 pagi hingga 7 petang, di Kuala Lumpur Convention Centre. Pameran ini merupakan hab perniagaan barangan kemas yang terutama di Asia Tenggara. Para pedagang dan peminat barangan kemas dialu-alukan untuk menghadiri pameran ini dan dikagumi dengan koleksi barangan kemas yang terbaru dan siri aktiviti pendidikan tentang bidang barangan kemas.

2013 menandakan satu dekad berkilau untuk Malaysia International Jewellery Fair (MIJF). 10 tahun yang lepas, MIJF telah dikenali sebagai salah satu pusat perdagangan barang kemas yang paling penting di rantau Asia Tenggara secara beransur-ansur.

Pameran ini mendapat sokongan daripada pelbagai badan kerajaan tempatan dan perbadanan barangan kemas yang terkenal di antarabangsa termasuk Kementerian Pelancongan Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCeb), Hong Kong Jewellery & Jade Manufactures Association (HKJJA), Dubai Gold & Jewellery Group (DGJG), Gem & Jewellery Trade Council India (GJTCI), dan Federation of Goldsmiths and Jewellers Associations of Malaysia (FGJAM). Dengan sokongan-sokongan perbadanan antarabangsa, MIJF 2013 bermatlamat mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab perniagaan barangan kemas yang terutama di dunia dan mempromosikan negara kita sebagai pusat M.I.C.E yang terunggul di perspektif dunia.



Penganjur MIJF 2013 telah berganding bahu dengan FGJAM untuk melancarkan “Malaysia Premier Pavilion” supaya memperkenalkan kemahiran ketukangan emas dan keistimewaan barang kemas yang direka cipta di Malaysia. Pavilion ini dibentuk untuk menggalakkan interaksi perniagaan antara peniaga barangan kemas tempatan dan pedagang luar Negara. Justeru, pavilion ini juga akan meningkatkan taraf industri barangan kemas Malaysia ke taraf antarabangsa.

Selain itu, pengunjung dan peserta berpeluang menikmati cukai bebas termasuk cukai import, cukai eksport dan cukai jualan semasa membeli pelbagai koleksi barang kemas eksklusif yang dipamerkan di MIJF 2013 akibat polisi pengecualian cukai atas barangan kemas yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Polisi ini berjaya menjadikan Malaysia sebagai tempat membeli-belah barangan kemas yang bebas cukai di tempatan dan antarabangsa.

MIJF 2013 juga memperkenalkan “Program Insentif Kepada Pedagang Barangan Kemas” untuk menggalakkan kehadiran para pedagang barangan kemas. Program ini menyediakan insentif yang menarik termasuk penginapan hotel percuma kepada pedagang luar Negara. Hotel yang disediakan terletak di kawasan strategik dan dekat dari KLCC. Program ini turut meliputi manfaat kepada para pedagang seperti sesi pepadanan perniagaan, tiket menghadiri seminar dan forum perdagangan yang dijalankan, dan lain-lain. Tujuan program ini adalah sebagai satu program penghargaan terhadap sokongan para pedagang kepada MIJF selama ini, dan juga membantu para pedagang untuk melanjutkan perniagaan barangan kemas dengan lebih efektif.

Dengan pelbagai jenis aktiviti dan program yang amat menarik, MIJF 2013 pastilah merupakan satu pameran barangan kemas yang tidak boleh dilepaskan! Untuk maklumat lanjutan, sila melayari laman web MIJF 2013 <http://www.elite.com.my/mijf/index.php> atau menghubungi +603-5891 1157.

12 - 15 **JULY** 2013
KL CONVENTION CENTRE



MIJF – Expect the Unexpected!

#####

Untuk maklumat terlanjut, sila menghubungi:

Bahagian PR & Komunikasi Elite Expo Sdn Bhd

Tel : (603) 5891 1157 ext 119

Fax : (603) 5891 1147

Email : info@eliteexpo.com.my

Website : www.elite.com.my